

KENYATAAN MEDIA
JABATAN ALAM SEKITAR NEGERI SARAWAK
KEMENTERIAN TENAGA, SAINS, TEKNOLOGI, ALAM SEKITAR
DAN PERUBAHAN IKILIM

MAJLIS MENANDATANGANI MEMORANDUM PERSEFAHAMAN (MoU) BAGI
KERJASAMA DALAM PELAKSANAAN PROGRAM KESEDARAN ALAM SEKITAR
ANTARA JABATAN ALAM SEKITAR
DENGAN INSTITUSI PENDIDIKAN TINGGI/ LATIHAN, SYARIKAT BERKAITAN
KERAJAAN (GLC), SYARIKAT MULTI-NASIONAL (MNC), SYARIKAT SWASTA

25 MAC 2019

Seiring dengan inisiatif Jabatan Alam Sekitar di bawah Kementerian Tenaga, Sains, Teknologi, Alam Sekitar dan Perubahan Iklim, Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak telah menjalinkan hubungan kerjasama dua hala antara Institusi Pendidikan Tinggi, Institut Latihan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) / Multinasional (MNC) dan Syarikat Swasta. Kerjasama ini adalah bagi mendokong hasrat Kerajaan agar program-program yang dijalankan oleh pihak Kerajaan melibatkan penyertaan bersama semua lapisan masyarakat.

Sehubungan itu, satu Program Kerjasama antara Jabatan Alam Sekitar dengan Institusi Pendidikan Tinggi, Institut Latihan, Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) / Multinasional (MNC) dan syarikat swasta telah dianjurkan oleh Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak dengan kerjasama Sarawak Energy Berhad. Penyertaan 9 organisasi dalam program ini adalah pihak-pihak yang telah bersetuju dengan pelawaan semula Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak untuk menjalin hubungan kerjasama (*smart and strategic partnership*) menerusi Memorandum Persefahaman (MoU) dalam pelaksanaan program kesedaran alam sekitar dan Program Rakan Alam Sekitar. Dengan penyertaan 9 organisasi ini, jumlah keseluruhan rakan strategik Jabatan Alam Sekitar Negeri Sarawak adalah 10 organisasi termasuk Universiti Malaysia Sarawak (UNIMAS) yang mana MoU masih berkuatkuasa sehingga akhir tahun ini.

Majlis Menandatangani Memorandum Persefahaman (MoU) Bagi Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar diadakan pada 25 Mac 2019 bertempat di Riverside Majestic Hotel, Kuching. Majlis perasmian disempurnakan oleh YBhg Dato' Dr. Ahmad Kamarulnajib bin Che Ibrahim, Ketua Pengarah Jabatan Alam Sekitar Malaysia.

Sebanyak 9 buah organisasi yang menandatangani pemerteraian Memorandum Persefahaman (MoU) pada 25 Mac 2019 adalah seperti berikut:-

- 1) Institut Latihan Perindustrian Kota Samarahan
- 2) PPKS Ilmu Sdn Bhd (iCATS)
- 3) Sarawak Energy Berhad (SEB)
- 4) Petronas Carigali Sdn Bhd (Sarawak Oil Asset)
- 5) Sarawak Shell Berhad
- 6) Trienekens (Sarawak) Sdn Bhd
- 7) Asean Bintulu Fertilizer Sdn Bhd
- 8) Sejingkat Power Corporation Sdn Bhd
- 9) X-FAB Sarawak Sdn Bhd

Objektif program kerjasama ini adalah untuk menggalakkan pihak organisasi yang terlibat melaksanakan program-program kesedaran alam sekitar serta mempromosi dan menggalakkan penyertaan keahlian Rakan Alam Sekitar di kalangan warga organisasi. Ia juga bertujuan menggalakkan penyertaan mereka secara langsung dan aktif dalam tindakan memulihara dan memelihara alam sekitar selaras dengan tema "*Alam Sekitar Tanggungjawab Bersama*".

Pendekatan pelaksanaan program ini menerusi kerjasama di antara Jabatan Alam Sekitar dengan organisasi yang berkaitan dengan mekanisme pelaksanaan Nota Kerjasama dan Memorandum Persefahaman (MoU) adalah untuk memastikan komitmen yang berterusan dan keberkesanan pelaksanaan program. Kerjasama secara *smart and strategic partnership* memberi impak signifikan dalam usaha pemuliharaan alam sekitar di negara ini khususnya di Negeri Sarawak. Sehingga kini, keahlian Rakan Alam Sekitar di Negeri Sarawak adalah berjumlah 40,996 orang. Peningkatan penyertaan masyarakat dalam program Rakan Alam Sekitar dapat memastikan kelestarian alam sekitar yang mampan.

Dengan pendekatan pelaksanaannya yang melibatkan penyertaan pelbagai lapisan peringkat golongan sasaran yang antaranya terdiri daripada golongan korporat, belia, pelajar institusi pengajian tinggi awam dan swasta, pelatih institusi latihan, ahli-ahli persatuan badan bukan kerajaan serta pekerja-pekerja syarikat, program kerjasama ini merupakan satu "Perkongsian Pintar Ke Arah Kelestarian Alam Sekitar" atau "*Smart Partnership Towards Sustainable Environment*".

Di samping itu, beberapa syarikat lain yang menunjukkan minat untuk menyertai dan menjalinkan hubungan kerjasama juga telah hadir sesi Taklimat dan Perbincangan Mengenai Memorandum Persefahaman (MoU) Bagi Kerjasama Dalam Pelaksanaan Program Kesedaran Alam Sekitar pada 25 Mac 2019.